

Headline	Forest Products R&D at Frim Yesterday and Today		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	96 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,660



Forest Products R&D at Frim Yesterday and Today

Pengarang: Gan K S,
S C Lim & S Rahim

Halaman: 140 Harga: RM120

BUKU ini merekodkan sejarah penyelidikan dan pembangunan keluaran produk hutan di Malaysia yang bermula pada awal 1900an. Penyelidikan awal tertumpu kepada pengumpulan spesimen kayu untuk Muzium Hutan dan ujian kekuatan kayu keras, terutamanya cengal dan merbau, untuk digunakan sebagai kayu landasan kereta api.

Bagaimanapun, dengan peningkatan kepentingan penggunaan kayu di negara ini, sebuah cawangan penyelidikan dikenali sebagai Makmal Penyelidikan Kayu (*Timber Research Laboratory*) telah ditubuhkan pada 1929 di Sentul untuk mengumpul maklumat mengenai kayu, terutamanya yang berkaitan dengan struktur kayu, ciri-ciri kekuatan mekanikal, pemeliharaan pengawetan kayu dan ketahanan semula jadi.

Seterusnya, penyelidikan dan pembangunan kajian kayu juga merangkumi pengumpulan maklumat mengenai pemprosesan kayu dan penggunaannya sebagai papan komposit. Dengan perkembangan ekonomi yang pesat di negara ini sejak kemerdekaan pada 1957, skop penyelidikan kayu telah berkembang meliputi reka bentuk dan penilaian struktur dan tanggam kayu, pengeringan dan pengawetan kayu, kerintangan api, teknologi perekatan, pempulpaan dan kertas kayu, penggunaan kayu sebagai bahan tenaga, serta kajian kulat dan serangga kayu.